

04 JUN 1996

Mahathir-MB

TIADA MASALAH LANTIK MENTERI BESAR KEDAH

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak menghadapi masalah untuk melantik Menteri Besar Kedah yang baru bagi menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau belum membuat sebarang keputusan mengenai perlantikan itu setakat ini.

"Tak ada masalahlah. Tunggu dululah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pengguna 1996 dan melancarkan pertandingan "Keluarga Hidup Selesa" di Dewan Maktamar, Pusat Islam, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada terdapat apa-apa masalah yang menyebabkan kelewatan perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru berikutan keputusan beliau menerima perletakan jawatan Osman.

Sekembalinya dari lawatan kerja di luar negara dua minggu lepas, Dr Mahathir berkata, beliau sudah menerima perletakan jawatan Osman tetapi masih belum membuat keputusan mengenai penggantinya.

Sebelum itu, Osman, ketika ditanya pemberita, berkata Perdana Menteri meminta beliau meletakkan jawatan kerana mahu melantik bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, sebagai pengganti.

Dr Mahathir, ketika ditanya hari ini bila Sanusi sepatutnya mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah, secara berseloroh menjawab : "Tak dengar apa pun, dia tak bagi tahu kat saya."

Ketika isu perletakan jawatan Osman begitu hangat diperkatakan, 22 anggota Dewan Undangan Negeri Kedah menghantar memorandum kepada Dr Mahathir yang menyatakan mereka tidak mahu perubahan dalam kepimpinan negeri itu dan mendesak supaya Osman dikekalkan.

Bagaimanapun, selepas Perdana Menteri menemui kesemua anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dan anggota Parlimen dari negeri itu, mereka telah menyerahkan kepadanya untuk membuat apa sahaja keputusan dan mereka akan mematuhi.

-- BERNAMA.

AH AHH